

UCAPTAMA

YB TUAN LOKE SIEW FOOK

MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN BAGI

PENGAKTIFAN SEMULA SEGAMAT INLAND PORT (SIP)

SEBAGAI

PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI JOHOR UTARA

25 JUN 2026 (KHAMIS), SEGAMAT INLAND PORT, JOHOR

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Segamat Inland Port Sdn. Bhd., Infinity Landbridge Express Sdn. Bhd. serta Lembaga Pelabuhan Kelang atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan dalam merealisasikan pengaktifan semula Segamat Inland Port. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan dalam menjayakan usaha ini, termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Majlis Perbandaran Segamat serta pelbagai agensi Persekutuan dan Negeri yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sepanjang proses perancangan dan penyelarasan projek ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Sebentar lagi kita akan menyaksikan pemeteraian Perjanjian Pajak yang akan membuka lembaran baharu kepada pembangunan Segamat Inland Port. Walaupun pada zahirnya ia merupakan satu urusan komersial antara dua pihak, saya percaya kepentingannya jauh melangkaui skop sebuah perjanjian perniagaan. Apa yang sedang kita usahakan hari ini adalah sebahagian daripada agenda yang lebih besar, iaitu memperkukuh rangkaian logistik negara, meningkatkan daya saing ekonomi serta mewujudkan peluang pembangunan yang lebih seimbang antara kawasan pesisir dan pedalaman.

3. Malaysia merupakan sebuah negara perdagangan yang bergantung kepada kecekapan sistem logistik dan rantai bekalan bagi memastikan pergerakan barangan dapat dilaksanakan secara lancar, pantas dan berdaya saing. Dalam persekitaran ekonomi global yang semakin kompleks, keupayaan menghubungkan pusat pengeluaran dengan pasaran domestik

dan antarabangsa pada kos yang kompetitif menjadi antara faktor utama yang menentukan daya tarikan pelaburan serta daya saing ekonomi sesebuah negara.

4. Menyedari kepentingan sektor ini, Kerajaan MADANI melalui Kementerian Pengangkutan terus memberi penekanan kepada usaha memperkukuh ekosistem logistik negara selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030. Pendekatan yang diambil bukan sahaja melibatkan pembangunan pelabuhan dan infrastruktur pengangkutan, malah turut memberi tumpuan kepada pengukuhan hubungan antara pelabuhan dan kawasan perindustrian serta hab logistik pedalaman bagi mewujudkan sistem logistik yang lebih bersepadu, cekap dan mampan melalui pengangkutan multimodal.

5. Malaysia kini mengendalikan lebih 33 juta TEU kontena setahun melalui pelabuhan-pelabuhan negara, menjadikannya

antara hab maritim dan logistik utama di rantau ini. Pelabuhan Klang pula mencatatkan rekod tertinggi sebanyak 15.14 juta TEUs pada tahun 2025 dan terus mengekalkan kedudukannya sebagai antara 10 pelabuhan kontena tersibuk dunia manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas telah mengendalikan 14 juta TEUs dan berada di kedudukan tempat ke-15 dunia. Pencapaian ini membuktikan kekuatan sektor logistik negara, namun kejayaan tersebut perlu disokong oleh rangkaian logistik pedalaman yang cekap bagi memastikan manfaat perdagangan dapat diperluaskan ke seluruh negara.

6. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek strategik rel termasuk Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Projek Landasan Berkembar Elektrik Lembah Kelang 2 (KVDT 2), Projek Landasan Berkembar Gemas – Johor Bahru, RTS Link serta pelbagai usaha lain menaik taraf rangkaian rel negara. Pada masa yang sama, kerajaan terus

menggalakkan penggunaan rel bagi pengangkutan kargo sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk meningkatkan kecekapan rantai bekalan negara. Peralihan sebahagian pergerakan kargo daripada jalan raya kepada rel bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan, kemalangan dan kos penyelenggaraan infrastruktur jalan raya, malah menyumbang kepada agenda kelestarian negara melalui pengurangan pelepasan karbon.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Dalam masa yang sama, Johor terus memainkan peranan yang amat penting dalam landskap perdagangan dan logistik negara. Kedudukannya yang strategik, pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), pertumbuhan pesat sektor pembuatan, pusat data, industri halal dan agrikomoditi dijangka terus meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan logistik yang lebih cekap dan bersepadu. Perkembangan ini bukan sahaja

memberi manfaat kepada kawasan Iskandar Malaysia dan Johor Bahru, malah turut membuka peluang kepada kawasan pedalaman seperti Segamat untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian nilai ekonomi yang lebih besar.

8. Dalam konteks inilah pengaktifan semula Segamat Inland Port menjadi amat signifikan. SIP berpotensi menjadi penghubung penting antara kawasan pengeluaran dan perindustrian di pedalaman dengan pelabuhan-pelabuhan utama negara melalui rangkaian logistik multimodal yang lebih cekap dan berdaya saing.

9. Segamat mempunyai kedudukan yang strategik di negeri Johor dan berada dalam lingkungan kawasan yang merangkumi Johor Utara, Melaka serta Negeri Sembilan. Kedudukan ini memberikan kelebihan yang signifikan untuk dibangunkan sebagai hab logistik pedalaman yang mampu menghubungkan kawasan

pengeluaran, kawasan perindustrian dan pusat pengedaran dengan pelabuhan-pelabuhan utama negara.

10. Lebih penting, pengaktifan semula SIP perlu dilihat sebagai sebahagian daripada usaha mewujudkan satu lagi pusat pertumbuhan ekonomi yang dapat melengkapkan pembangunan pesat yang sedang berlaku di bahagian utara Johor. Daerah – daerah seperti Segamat mempunyai kekuatan tersendiri yang boleh dimanfaatkan melalui pembangunan logistik, industri hiliran, agrikomoditi dan aktiviti nilai tambah yang mampu menjana peluang ekonomi baharu kepada masyarakat setempat.

11. Selain itu, Segamat juga mempunyai potensi untuk menjadi pemangkin pertumbuhan pelbagai industri yang dapat mewujudkan peluang – peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat tempatan.

12. Selain berfungsi sebagai hab logistik pedalaman dan rel bersepadu, SIP turut dirancang sebagai pusat pengedaran dan konsolidasi serantau yang berpotensi melayani pasaran Johor Utara, Melaka serta Negeri Sembilan. Fungsi ini akan memperkukuh kedudukan Segamat sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran barangan yang mampu menyokong pertumbuhan aktiviti perdagangan dan perindustrian di kawasan hinterland.

13. SIP juga berpotensi memberi manfaat kepada industri pembuatan sedia ada di kawasan sekitarnya, termasuk industri perabot di Muar yang merupakan antara kluster perabot terbesar negara. Melalui pembangunan rangkaian logistik jalan raya dan rel yang lebih cekap, pengimportan bahan mentah seperti kayu – kayuan serta pengedaran produk siap dapat dilaksanakan dengan kos yang lebih kompetitif. Keadaan ini bukan sahaja membantu meningkatkan daya saing industri tempatan, malah berpotensi

menarik lebih banyak aktiviti nilai tambah dan pelaburan berkaitan ke kawasan Johor Utara.

14. Pembangunan Hab Keselamatan Makanan pula mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam konteks agenda keterjaminan makanan negara. Pengalaman beberapa tahun kebelakangan ini telah menunjukkan bahawa daya tahan rantai bekalan makanan merupakan antara faktor penting yang perlu diberikan perhatian. Dengan kemudahan penyimpanan dan pengedaran yang lebih sistematik, SIP berpotensi memainkan peranan dalam menyokong pengurusan dan pengedaran bekalan makanan ke kawasan-kawasan utama di selatan Semenanjung.

15. Pada masa yang sama, pembangunan Hab Pemprosesan dan Eksport Produk Sawit akan membuka ruang kepada aktiviti nilai tambah yang lebih besar dalam industri sawit. Sebagai sebuah kawasan yang mempunyai hubungan rapat dengan sektor

perladangan dan agrikomoditi, pembangunan kemudahan pemprosesan dan pengedaran yang lebih dekat dengan sumber pengeluaran berpotensi meningkatkan kecekapan operasi serta menjana lebih banyak aktiviti ekonomi di kawasan sekitar.

16. SIP juga mempunyai potensi untuk menyokong pembangunan industri biomas yang semakin mendapat perhatian dalam agenda ekonomi hijau dan tenaga boleh diperbaharui. Pusat pengumpulan dan eksport biomas yang dirancang bukan sahaja dapat mewujudkan peluang perniagaan baharu, malah menyokong usaha negara ke arah pembangunan ekonomi yang lebih mampan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Apabila pembangunan ini dilaksanakan sepenuhnya, manfaat yang bakal diwujudkan tidak hanya terhad kepada sektor logistik semata-mata. Ia dijangka menarik pelaburan baharu, meningkatkan aktiviti perdagangan, mewujudkan peluang

pekerjaan berkualiti dan merangsang pembangunan industri sokongan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

18. SIP dijangka mampu mengendalikan sehingga 6,000 TEU sebulan apabila mencapai tahap matang operasinya, di samping membantu mengurangkan kebergantungan kepada pengangkutan jalan raya melalui penggunaan rel yang lebih meluas. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan logistik, malah menyumbang kepada pengurangan kesesakan lalu lintas serta menyokong agenda kelestarian negara. Berdasarkan perancangan yang dikemukakan, pembangunan ini juga dijangka mewujudkan lebih 50 kategori pekerjaan baharu dalam pelbagai bidang termasuk operasi terminal, logistik, pergudangan, penyelenggaraan, keselamatan, teknologi maklumat dan pengurusan.

19. Lebih penting daripada angka-angka tersebut ialah kesan berganda ekonomi yang bakal diwujudkan. Kehadiran aktiviti logistik yang lebih aktif akan membuka ruang kepada pembangunan industri sokongan, perkhidmatan pengangkutan, pergudangan, penyelenggaraan, peruncitan dan pelbagai aktiviti ekonomi lain yang mampu memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat setempat. Dalam jangka panjang, pembangunan seperti ini akan membantu mewujudkan sebuah ekosistem ekonomi yang lebih dinamik dan berdaya tahan di Johor Utara.

20. Pengaktifan semula Segamat Inland Port bukanlah penamat kepada sebuah projek yang pernah terhenti. Sebaliknya, ia merupakan permulaan kepada satu fasa pembangunan baharu yang berpotensi mengubah peranan dan kedudukan Segamat dalam landskap ekonomi Johor.

21. Jika pembangunan ini berjaya direalisasikan seperti yang dirancang, manfaatnya bukan sahaja akan dirasakan oleh sektor logistik atau pemain industri. Manfaatnya akan turut dirasakan oleh usahawan tempatan, pengusaha pertanian, syarikat-syarikat kecil dan sederhana, golongan pekerja serta generasi muda yang bakal melihat lebih banyak peluang diwujudkan di kawasan ini.

22. Itulah matlamat pembangunan yang ingin dicapai oleh Kerajaan MADANI – pembangunan yang bukan sahaja menjana pertumbuhan ekonomi, tetapi turut memperluaskan peluang dan manfaat kepada lebih ramai rakyat.

23. Akhir kata, saya berharap kerjasama strategik ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan sebuah hab logistik pedalaman yang moden, berdaya saing dan mampan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Johor Utara dan memperkukuh ekosistem logistik negara.

Sekian, terima kasih.